



**RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300**

**DISEDIAKAN UNTUK :
ENCIK KHAIRUL ANUAR SUBARI**

DI SEDIAKAN OLEH :

**SHAMILA SHARI
96961651**

**NORPAAIZAH YAAKUB
96616428**

**NORAZLINA MOHD KAMIL
96355016**

**JOHANA IDAYU MOKHTAR
96961134**

**AMRIL-FAHMY ABU BAKAR
96614569**

KANDUNGAN

	MS
PENGENALAN	1
PENGHARGAAN	2
MUQADDIMAH	4
TUJUAN PERNIAGAAN	5
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	6
SURAT PERJANJIAN PERNIAGAAN	7
SURAT PENYERAHAN	12
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	14
LATAR BELAKANG PROJEK	15
LATAR BELAKANG PEMEGANG SAHAM	17
LOGO	23
RANCANGAN PENTADBIRAN	25
RANCANGAN PEMASARAN	45
RANCANGAN OPERASI	61
RANCANGAN KEWANGAN	71
PENUTUP	89
LAMPIRAN	

PENGENALAN

Pakaian merupakan salah satu keperluan asas kehidupan seseorang individu. Pakaian, selain daripada dapat melindungi tubuh badan ia juga dapat menyerlahkan penampilan dan imej seseorang itu. Oleh itu pakaian yang kemas, cantik dan bergaya adalah antara faktor yang dapat menjamin kehidupan yang selesa dan lebih berkeyakinan.

Pada zaman yang pesat membangun ini, manusia semakin teliti di dalam pemilihan pakaian yang mereka kehendaki. Apa yang mereka mahukan ialah fesyen pakaian yang mengikut aliran terkini, harga yang berpatutan dan masa pembuatan pakaian yang singkat. Menyedari hakikat ini, kami telah menubuhkan perniagaan *Bella Fashion House* yang mana dapat memenuhi citarasa pelanggan yang sentiasa mengikut perkembangan terkini.

Bella Fashion House adalah sebuah perniagaan bumiputera yang menawarkan perkhidmatan pembuatan pakaian secara profesional dan inovatif dengan menyediakan khidmat nasihat mengenai pakaian yang sesuai untuk ditempah oleh para pelanggan. Perkhidmatan ini kami jalankan secara langsung melalui temujanji dengan pelanggan.

Kami menggunakan mesin berteknologi tinggi iaitu 'Fitting Scanner'. Mesin ini diprogramkan untuk beroperasi dengan mendapatkan saiz dan menganalisa bentuk badan serta fesyen yang sesuai dengan pelanggan. Penggunaan teknologi ini menjimatkan masa di dalam urusan tempahan. Pakaian yang dihasilkan juga dijamin memenuhi kehendak pelanggan kerana rekabentuknya telah dipersetujui oleh pelanggan sendiri sewaktu sesi rundingan.

Dengan segala daya usaha yang berterusan tanpa mengenal jemu dari kami, kami yakin dapat menawarkan perkhidmatan yang terbaik untuk para pelanggan. Insyallah... . Amin.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama	: Bella Fashion House
Alamat	: Lot 32-1, Jalan Pekan Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah.
No. Telefon	: -dalam permohonan-
Bentuk Perniagaan	: Perniagaan Perkongsian
Kegiatan Utama	: Menerima tempahan pakaian dan juga memasarkan pakaian siap dengan dibantu oleh mesin berteknologi tinggi iaitu 'Fitting Scanner'.
Tarikh Mula Operasi	: 1 Julai 2000
Modal Permulaan	: RM 210 000
Nama Bank	: Malaysian Industrial Development Finance Berhad (pinjaman) Bank Islam (M) Berhad (urusniaga kewangan)
Jenis Akaun	: Akaun semasa

PELAN LOKASI